

16 APR 2001
Mahathir-Umno
YANG KALAH PUN DIHUKUM JIKA GUNA POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Anggota Umno yang kalah dalam pemilihan parti tetapi terbukti menggunakan politik wang juga akan dikenakan tindakan tegas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata parti itu akan melaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengenai kesalahan politik wang bukan sahaja yang melibatkan anggota yang menang tetapi juga yang kalah.

"Yang kalah juga akan dikenakan tindakan jika terbukti mereka menggunakan politik wang," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bahawa bagi mereka yang menang tetapi terbukti menggunakan politik wang, kemenangan mereka tidak akan diiktiraf.

"Mereka yang terlibat dengan politik wang mengkhianati perjuangan parti. Sekiranya terbukti mereka yang terpilih didapati menggunakan cara yang tidak dibenarkan termasuk politik wang, pemilihannya itu tidak akan diiktiraf," katanya.

Dr Mahathir berkata pihak pengurusan UMNO telah menerima banyak aduan mengenai politik wang dan ianya sedang diteliti oleh Lembaga Disiplin Umno yang dipengerusikan oleh Tengku Ahmad Rithauddeen.

"Penyiasatan akan mengambil masa yang panjang sehingga selepas pemilihan. Walaupun selepas pemilihan jika yang didapati menang terlibat dengan rasuah, tindakan undang-undang akan diambil dengan melaporkan kepada BPR," katanya.

Mengenai dakwaan anggota Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman terhadap Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, Dr Mahathir berkata: "Laporan awal telah disampaikan kepada saya, bagaimanapun siasatan masih belum tamat dan kita belum dapat membuat keputusan."

Mengenai Puteri Umno, beliau berkata ianya perlu diberi sokongan oleh semua pihak dalam parti.

Beliau berkata jumlah keanggotaan Puteri Umno perlu ditingkatkan dan beliau meminta cabang terbaru parti itu bergiat cergas untuk menarik wanita muda menyertainya.

Dr Mahathir berkata MT Umno juga diberi taklimat mengenai sistem pendidikan di negara ini "yang tidak mencapai kejayaan seperti yang diharapkan."

"Sistem ini ada masalah yang perlu dibetulkan. Kerajaan akan teliti masalah itu kerana terdapat perkara yang berlaku sehingga ramai yang tidak faham dengan agenda sistem pendidikan di negara ini," katanya.

Ketika ditanya apakah yang dimaksudkan sebagai kelemahan itu, Dr Mahathir menjelaskan bahawa ada yang menganggap kononnya sistem pendidikan di sekolah kebangsaan terlalu menekankan soal-soal agama Islam.

"Anggapan ini mengakibatkan ibu bapa bukan Melayu tidak berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan," katanya.

Selain itu, ada beberapa perkara lain yang dianggap penting di sekolah Cina tidak diberi keutamaan di sekolah kebangsaan dan ini juga menyebabkan ibu bapa bukan Islam kurang berminat menghantar anak mereka belajar di sekolah kebangsaan, kata Perdana Menteri.

"Padahal, hasrat sebenar kerajaan menubuhkan sekolah kebangsaan ialah untuk menarik lebih ramai murid-murid bukan Melayu belajar di sekolah kebangsaan," katanya.

-- BERNAMA
AKT ZS MAI